

RapidKL perkenal laluan bas perantara baharu

Oleh MOHD. FADHLI MOHD. SULAIMAN
17 Jun 2022, 5:06 pm



Tambang percuma selama sebulan bermula semalam bagi pengangkutan awam di bawah RapidKL dan Keretapi Tanah Melayu Bhd.

KUALA LUMPUR: RapidKL memperkenalkan dua laluan bas perantara baharu bermula hari ini iaitu pada pukul 4.30 petang hingga 7.30 malam bagi menampung keperluan penumpang LRT bagi laluan Kelana Jaya.

Dalam satu kenyataan hari ini, RapidKL berkata, laluan itu bagi menghubungkan stesen Transit Aliran Massa (MRT) Pasar Seni (Pintu B) dan stesen Transit Aliran Ringan (LRT) Universiti.

Jelas kenyataan itu, satu lagi laluan baharu iaitu stesen LRT KLCC (hentian bas KLCC) dan stesen LRT Wangsa Maju.

"Perkhidmatan bas sokongan ini akan mengambil penumpang di LRT atau MRT yang dinyatakan dan tidak akan berhenti di stesen-stesen lain dan kekerapan bas adalah setiap 15 minit.

"Pengenalan laluan bas ekspres ini membolehkan pengguna menikmati perjalanan pulang dengan masa menunggu singkat ketika waktu puncak petang.

"Operasi laluan bas ini adalah dari hari Isnin hingga Jumaat sahaja dengan tambang adalah percuma," katanya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob semalam mengumumkan tambang percuma kepada warga kota untuk perkhidmatan LRT, MRT, Transit Aliran Bas (BRT), Komuter Keretapi Tanah Melayu (KTM) Lembang Klang, Monorel dan bas RapidKL selama sebulan membabitkan peruntukan RM155 juta bagi meringankan beban kesan kenaikan kos sara hidup. -UTUSAN ONLINE